

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN JEMAAH TERTINGGI BAKAT UDARA

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2959-mesyuarat-agung-tahunan-jemaah-tertinggi-bakat-udara

BENTONG, 26 Jan 18 - Jemaah Tertinggi BAKAT Udara memulakan lembaran tahun 2018 dengan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bertempat di Harmoni Valley Retreat Janda Baik, Bentong Pahang.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hajah Tengku Muhamaini binti Sultan Haji Ahmad Shah turut dihadiri oleh AKS Tadbir, YBhg Kol Ahmad bin Abd Rahman TUDM selaku Penasihat BAKAT Udara.

Selain menyusun perancangan aktiviti bagi tahun 2018, intipati mesyuarat ini antara lainnya menjadi medium kepada barisan kepimpinan tertinggi BAKAT Udara untuk menterjemahkan idea dan resolusi yang terbaik ke arah memantapkan lagi peranan BAKAT Udara dalam memartabatkan kualiti kehidupan institusi kekeluargaan TUDM seluruhnya.

